



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



KERATAN AKHBAR



SEBAHAGIAN murid Tabika KEMAS Sri Melati bermain lompat gelung dalam Program Generasi Sihat di Taman Medan, Petaling Jaya.



KERATAN BERTARIKH: 18 DISEMBER 2024

HARI : RABU

RUANGAN: UTUSAN PELAJAR

HALAMAN: 25

Sementara itu, wakil ibu bapa, Nurhayati Abdul Ghafar, 34, berkata, ramai ibu bapa sebelum ini tidak sedar tentang pengambilan makanan sihat.

Katanya, dengan adanya program ini, ibu bapa lebih terdedah untuk sediakan makanan lebih sihat kepada anak-anak.

"Sebelum ini ibu bapa layankan sahaja anak dengan membeli makanan berproses dan makanan ringan.

"Selepas ini, ibu bapa dah boleh mula kurangkan pembelian makanan tak sihat kepada anak-anak bila tahu apa akibatnya nanti," katanya.

Sebanyak 100 keluarga sasaran terlibat dalam program perintis selama 32 minggu ini, dikendalikan Martabat PJ dengan kerjasama Jabatan Pediatrik Universiti Malaya (PPUM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, Naib Presiden Martabat PJ selaku Penyelaras Program, April Chang berkata, ini merupakan kali kedua sesi pendidikan pemakanan sihat melibatkan ibu bapa bersama seluruh warga Tabika bagi menangani masalah kesihatan dari peringkat awal.

Katanya, Martabat PJ ingin semua pihak terlibat di Tabika KEMAS Sri Melati lebih peka

terhadap pemakanan sihat serta bahaya gula berlebihan.

"Malaysia hadapi krisis kesihatan akibat pengambilan gula berlebihan dan gaya hidup kurang aktif seterusnya menyumbang kepada pelbagai penyakit kronik.

"Kami memandang serius perkara ini dan pelaksanaan program ini adalah sejajar dengan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia" katanya.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan melancarkan Pelan Strategik Mengurangkan Gula Dalam Kalangan Rakyat Malaysia 2024-2030 bagi membanteras pengambilan gula yang tinggi rakyat negara ini.

Mengulas lanjut, April berkata, golongan paling terdedah kepada ketidakseimbangan pemakanan termasuk pengambilan gula berlebihan ialah komuniti Taman Medan Cahaya.

Katanya, komuniti terdorong mengutamakan makanan mengenyangkan dan mudah didapati dalam kuantiti besar pada harga rendah.

"Secara tak langsung mereka mengabaikan kualiti makanan sihat dan seimbang.

"Kenaikan harga makanan sihat serta akses terhad kepada pemakanan seimbang juga menyumbang kepada faktor ini berlaku," katanya.